❤PENANG

PERCUMA

16 - 31 OGOS, 2023

PENANG 2030

BULETIN MUTIARA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# INSTITUSI ISLAM TERUS DIPERKASAKAN

**PADA** 16 Julai lepas, Perdana Menteri, Y.A.B Dato' Seri Anwar Ibrahim diiringi Ketua Menteri *'Caretaker'* Pulau Pinang menyempurnakan Majlis Peluncuran Projek Pembinaan Masjid Baharu di atas tapak asal Masjid Lama Sungai Bakap.

Semasa berucap, Anwar yang juga Menteri Kewangan mengumumkan pemberian peruntukan Persekutuan berjumlah RM7 juta bagi membiayai sebahagian daripada kos keseluruhan projek tersebut kira-kira RM20 juta.

Lantaran itu, wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **AHMAD ADIL MUHAMAD** berpeluang menemu ramah dua individu penting di sebalik rancangan pembinaan masjid baharu tersebut pada 20 Julai lalu.

Mereka berdua yang dimaksudkan adalah Pengerusi Jawatankuasa Kariah Masjid Lama Sungai Bakap, **TUAN HAJI MOHAMED KHAIRI MOHD. ISA**, 68, dan **TUAN HAJI SUHAIRY YAHAYA**, 48, yang merupakan Setiausaha Jawatankuasa Kariah masjid tersebut.

Mohamed Khairi, seorang pesara kerajaan dalam sektor perkhidmatan kesihatan awam memberitahu bahawa nama Masjid Lama Sungai Bakap telah wujud iaitu sejak 225 tahun lampau jika berdasarkan rekod bertulis tanah wakaf tempat masjid ini didirikan bertarikh 1798.

"Nama masjid ini telah wujud sejak 1798, bangunan masjid ini telah melalui beberapa kali proses penaiktarafan, kali terakhir pada 1974 jika berdasarkan plak perasmian yang masih terdapat di bangunan masjid ini.

"Kalau diperhatikan pada kubah masjid ini pun, yang menjadi mercu tanda Masjid Lama Sungai Bakap di sini pun, sebenarnya mirip pada seni bina kubah Masjid Negara (yang mula dibina pada tahun 1960 dan siap pada 1965).

"Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) mengambil keputusan untuk membina semula bangunan baharu di sini kerana mengambil kira pelbagai pengubahsuaian pada bangunan sedia ada tidak ada teras yang asli untuk dipelihara dan dipulihara.

> **"Nama masjid ini telah wujud sejak 1798, bangunan masjid ini telah melalui beberapa kali proses penaiktarafan, kali terakhir pada 1974 jika berdasarkan plak perasmian yang masih terdapat di bangunan masjid ini.**
>
> **- Mohamed Khairi**

"Projek membina semula masjid ini menjadi bertambah mudah kerana tanah wakaf Masjid Lama Sungai Bakap ini adalah ahli keluarga TYT (Yang Dipertua Negeri) sekarang (Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak), dan projek pembinaan bangunan masjid baharu di atas tapak asal Masjid Lama Sungai Bakap ini mungkin bertitik-tolak sebagai satu lagi legasi keluarga TYT yang merupakan anak jati kariah di sini," jelasnya.



KETUA Menteri bersama-sama Perdana Menteri sempena lawatan kerja rasmi ke Pulau Pinang baru-baru ini.

Buletin Mutiara difahamkan Kerajaan Negeri dalam Bajet 2023 memperuntukkan RM18 juta untuk membina tujuh masjid baharu di Pulau Pinang, salah satunya adalah Masjid Lama Sungai Bakap.

Mohamed Khairi memberitahu bahawa setakat ini, Kerajaan Negeri mengumumkan pemberian peruntukan sebanyak RM6 juta untuk merealisasikan projek pembinaan semula masjid di atas tapak asal Masjid Lama Sungai Bakap.

"Pada satu-satu masa, Masjid Lama Sungai Bakap ini hanya boleh menampung seramai 700 orang sahaja, selalunya kehadiran ahli jemaah solat fardu Jumaat atau solat sunat Aidilfitri serta Aidiladha akan melimpah sampai ke luar dewan solat.

"Bangunan sedia ada yang terdiri daripada enam kelas KAFA (Kelas Al-Quran dan Fardu Ain) juga adalah tidak mencukupi bagi menampung jumlah anak-anak kariah di sini.

*(Sambungan di muka 2).*

(Sambungan dari muka 1).

# Mercu tanda baharu

"Ruang solat yang begitu terhad, begitu juga keperluan untuk menambah sekurang-kurangnya empat lagi kelas KAFA (menjadi 10 kelas) mendorong Jawatankuasa Kariah Masjid Lama Sungai Bakap mencadangkan pembinaan sebuah masjid baharu dengan anggaran kos awal kira-kira RM7 juta.

"TYT (Tun Ahmad Fuzi) berkata bahawa masjid baharu yang bakal dibina ini mesti menjadi mercu tanda baharu bagi memartabatkan syiar Islam di sini (Sungai Bakap), maka reka bentuk terbaru seni bina masjid ini diilhamkan oleh beliau sendiri, dengan anggaran kos baharu kira-kira RM20 juta," ujarnya sambil menyifatkan bahawa Tun Ahmad Fuzi adalah individu yang begitu banyak berusaha di sebalik cadangan pembinaan semula masjid baharu di sini.



MOHAMED Khairi Mohd. Isa.

Tambah Mohamed Khairi, sehingga kini jawatankuasa masjid berjaya mengumpulkan dana sumbangan peringkat kariah sebanyak RM2.6 juta.

Mengambil kira komitmen kewangan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri hari ini yang masing-masing RM7 juta dan RM6 juta, beliau percaya baki kira-kira RM4.4 juta lagi dapat dikumpulkan kelak dengan sokongan yang tidak berbelah-bahagi pelbagai pihak terutama Tun Ahmad Fuzi sendiri.

"Pembinaan masjid ini melibatkan komitmen tiga pihak iaitu 60 peratus daripada Kerajaan Persekutuan, 30 peratus daripada Kerajaan Negeri dan 10 peratus daripada dana kutipan peringkat kariah.



SUHAIRY Yahaya.

"Kalau anggaran pembinaan masjid baharu ini RM20 juta, bermakna sekurang-kurangnya dana sumbangan wakaf yang dikutip peringkat kariah adalah sebanyak RM2 juta sahaja.

"(Justeru,) kita percaya baki (kira-kira RM4.4 juta ini) boleh diperoleh kelak, berdasarkan pengalaman sebelum ini yang mana begitu ramai pihak termasuk TYT (Tun Ahmad Fuzi) sendiri memang komited dalam merealisasikan pembinaan masjid ini," ulasnya.

Sebelum itu, Suhairy memberitahu bahawa Masjid Lama Sungai Bakap mula mendapat perhatian peringkat Kerajaan Negeri dan MAINPP mungkin mengambil kira beberapa pencapaian yang dirangkul dalam beberapa tahun belakangan ini.

Menurut beliau, Masjid Lama Sungai Bakap diiktiraf sebagai penyumbang tabung dana wakaf tertinggi kepada Wakaf Pulau Pinang bagi tahun 2020 hingga 2022.

Selain itu, beliau menyatakan bahawa masjid ini juga pada tahun 2022 dipilih sebagai Johan Penganjuran Pengimarahan Masjid Ketegori B (Masjid Luar Bandar) Peringkat Negeri Pulau Pinang.

Itu, menurut beliau, belum mengambil kira kejayaan tadbir urus KAFA di bangunan bersebelahan masjid berkaitan, yang mana berada pada kedudukan antara terbaik dalam keputusan Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) peringkat negeri.

"Beberapa pencapaian hasil usaha sekalian anak kariah dalam beberapa tahun ini, mungkin menarik perhatian pelbagai pihak untuk melihat juga keperluan untuk membina bangunan baharu masjid di atas tapak asal Masjid Lama Sungai Bakap.

"Jawatankuasa Fatwa Kerajaan Negeri pun telah menjelaskan bahawa pemberi wakaf terdahulu bagi Masjid Lama Sungai Bakap adalah 'tidak terputus' manfaat mereka apabila dibina masjid baharu ini, jadi tiada isu berbangkit jika bangunan masjid baharu dibina di atas tapak asal Masjid Lama Sungai Bakap.

"Selama tempoh pembinaan masjid baharu ini, sebuah bangunan sementara untuk anak-anak kariah mengadakan solat jemaah akan dibina di suatu kawasan bersebelahan tapak masjid ini.

"Oleh kerana kawasan pembinaan semula masjid baharu ini akan turut melibatkan tapak bangunan kelas KAFA sedia ada, pelajar-pelajar dalam tempoh pemajuan kira-kira dua tahun ini akan ditempatkan sementara di 'sekolah pondok' berhampiran iaitu Madrasah Irshad Al-Asyraf Al-Wataniah," katanya sambil memberitahu bahawa reka bentuk masjid baharu tersebut nanti turut terdiri daripada 10 kelas KAFA.

Mereka yang mahu menyalurkan sumbangan wakaf bagi pembinaan kompleks masjid baharu ini boleh dibuat melalui nombor akaun bank CIMB (8600993415) atas penama Masjid Lama Sungai Bakap. Sebarang pertanyaan lanjut, boleh hubungi Mohamed Khairi, 019 - 5426940 atau Suhairy (012 - 4051624).




ILUSTRASI masjid baharu yang bakal dibina.




RUPA bentuk Masjid Lama Sungai Bakap kini.

Oleh: **AZMI HUSSIN**



# Rancakkan sambutan Bulan Kebangsaan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri *'Caretaker'*, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyeru penduduk negeri ini untuk bersama-sama menzahirkan rasa cinta kepada negara sempena kempen Bulan Kebangsaan pada tahun ini.

Selari dengan tema Malaysia Madani: Tekad Perpaduan Penuhi Harapan, beliau berkata bahawa penglibatan setiap rakyat di negeri ini adalah sangat penting dalam merancakkan lagi kehangatan sambutan Bulan Kebangsaan.

"Pengisian dan intipati yang disusun sepanjang Bulan Kebangsaan memainkan peranan penting dalam menyampaikan mesej jelas untuk membangkitkan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat.

"Pada peringkat negeri, kita (Kerajaan Negeri) akan menyokong penuh pelbagai program dan aktiviti yang telah dirangka bagi mengisi takwim sepanjang Bulan Kebangsaan ini.

"Justeru, marilah kita bersama-sama merebut peluang untuk menzahirkan semangat dan rasa cinta kepada negara dengan mengambil bahagian dalam acara-acara yang telah disusun ini," katanya semasa merasmikan Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2023 dekat Jalan Padang Kota Lama (Esplanade) di sini 21 Julai lalu.

Hadir sama, Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, Dato' Law Choo Kiang; Timbalan Ketua Menteri II *'Caretaker'*, Prof. Dr. P. Ramasamy; Setiausaha



**DATUK Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan barisan kepimpinan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan yang turut serta.**




**KETUA Menteri *'Caretaker'* bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri ketika merasmikan Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2023 di sini baru-baru ini.**

Kerajaan Negeri, Dato' Mohd. Sayuthi Bakar; barisan ahli Exco Kerajaan Negeri; Ketua Polis Pulau Pinang, Dato' Khaw Kok Chin serta ramai lagi.

Kon Yeow berkata, kepelbagaian dalam perpaduan yang menjadi aspirasi kepada tema sambutan Bulan Kebangsaan pada tahun ini dilihat mampu mendorong tekad dan komitmen semua pihak dalam membangunkan negeri serta negara dengan penuh rasa cinta.

"Dengan mengambil kira semangat Madani dan kecintaan terhadap negeri dan negara, berbanggalah dengan Jalur Gemilang walau di manapun kita berada.

"Jalur Gemilang adalah lambang kebanggaan negara serta mampu membangkitkan semangat patriotik dan nasionalisme dalam hati setiap warga Malaysia," ujarnya yang juga mantan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.

Bercakap pada sidang media selepas itu, Kon Yeow menyatakan bahawa kempen Bulan Kebangsaan pada tahun ini amat signifikan kerana pertama kali disambut di bawah pentadbiran Kerajaan Perpaduan.

"Dengan tema Malaysia Madani, kita berharap agar kempen Bulan Kebangsaan pada tahun ini dapat memulihkan semula kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap negara ini.

"Kita sudah melalui beberapa tahun dalam keadaan ketidakstabilan negara baik dari segi politik mahupun ekonomi dan baru sekarang kita memasuki fasa pemulihan.

"Justeru, kita berharap agar sambutan Bulan Kebangsaan, Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia benar-benar dapat memulihkan keyakinan rakyat demi pembangunan negara serta kesejahteraan dan kebajikan rakyat," katanya.

Terdahulu, Kon Yeow menyerahkan bendera Jalur Gemilang kepada 21 Jabatan Negeri, 19 Jabatan Persekutuan, 11 Agensi Negeri dan 10 Agensi Persekutuan sebagai simbolik bermulanya kempen Bulan Kebangsaan pada tahun ini.

Beliau kemudiannya turut melancarkan Konvoi Kembara Merdeka Jalur Gemilang 2023 yang dibarisi oleh 40 buah kenderaan terdiri daripada agensi awam dan swasta.

## Usahawan sumbang pembangunan sektor ekonomi negeri

**BAYAN LEPAS -** Kerajaan Negeri sentiasa menyokong dan menyedari sumbangan para usahawan terhadap pembangunan ekonomi di negeri ini.

Sehingga hari ini, Ketua Menteri *'Caretaker'*, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyatakan bahawa Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah meluluskan sebanyak RM26.35 juta kepada 4,059 usahawan di Pulau Pinang menerusi bantuan perniagaan melalui Skim Pinjaman Harapan (SPH).

"Justeru, barisan usahawan yang telah menunjukkan prestasi membanggakan ini telah diraikan menerusi Majlis Anugerah Penjaja dan Peniaga Kecil Cemerlang 2023 (melibatkan enam usahawan) serta Anugerah Usahawan Cemerlang 2023 (13



**SEBAHAGIAN usahawan yang diraikan bersempena Majlis Anugerah Penjaja dan Peniaga Kecil Cemerlang 2023 serta Anugerah Usahawan Cemerlang 2023 di sini baru-baru ini.**

penjaja dan peniaga)," ujarnya pada majlis berkaitan di sini 21 Julai lalu.

Hadir sama, Exco *'Caretaker'* Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan, Dato' Abdul Halim Hussain; Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PDC; Yang Dipertua Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Negeri Pulau Pinang, Datuk Zainal Abidin Abdul Majid serta barisan wakil agensi kerajaan dan ahli jawatankuasa (AJK) Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Negeri Pulau Pinang.

Menurut Kon Yeow, penganugerahan berkaitan sekali gus bertujuan mencetus galakan kepada usahawan untuk terus menjadi *'role model'*.

"Saya berharap dengan bantuan pinjaman SPH ini, para peniaga dapat melebarkan perniagaan masing-masing serta dapat meluaskan rangkaian perniagaan ke luar negeri serta peringkat antarabangsa," ujarnya sambil menyifatkan bahawa kejayaan para peniaga tempatan secara tidak langsung mampu membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk di negeri ini.

Mengulas lanjut, Kon Yeow turut menegaskan bahawa inisiatif pemasaran melalui atas talian menjadi salah satu faktor pertumbuhan perniagaan kini.

"Berdasarkan era digitalisasi kini, perniagaan melalui platform atas talian dilihat berupaya menjadi potensi berguna terutamanya semasa pandemik dulu, dan kini era pendigitalan semakin pesat.

"Malah, kempen 'Keusahawanan Satu Budaya' (K1B) yang telah dilancarkan pada 1 Ogos lalu adalah bertepatan dalam melahirkan 'Sebuah Keluarga Seorang Usahawan'.

"Dalam pada itu, K1B juga telah mencatatkan seramai 70,000 usahawan yang telah berdaftar, dan kita menyasarkan menjelang tahun 2030, seramai 100,000 usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) bakal dilahirkan di Pulau Pinang melalui inisiatif ini.

"Justeru, tidak ada yang mustahil bagi mereka yang ingin lebih maju pada masa hadapan, jadikan kejayaan hari ini sebagai suntikan semangat kepada semua untuk terus berdaya saing dengan sihat dalam bidang keusahawanan ini," serunya.

# Kaum India terus diperkasa

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**



KETUA Menteri *'Caretaker'* merakam gambar kenangan bersama-sama Perdana Menteri pada program ramah mesra bersama-sama masyarakat India di sini baru-baru ini.

**SEBERANG JAYA** - Mengimbas kembali pencapaian Kerajaan Negeri untuk masyarakat India sejak 15 tahun lepas secara amnya, dan secara spesifik sepanjang lima (5) tahun lalu, Pulau Pinang adalah negeri pertama dalam negara yang mula menyediakan peruntukan untuk sekolah-sekolah Tamil dalam Bajet Tahunan Kerajaan Negeri secara tahunan bermula pada 2009.

Menurut Ketua Menteri *'Caretaker'*, Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow, kesemua 28 sekolah Tamil di Pulau Pinang memperoleh peruntukan berkaitan yang disalurkan terus ke akaun Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) untuk pelbagai kegunaan, bermula daripada menyelenggara infrastruktur kepada pemerkasaan serta pembangunan akademik.

"Lebih RM25 juta telah disalurkan kepada sekolah-sekolah Tamil di Pulau Pinang sehingga kini.

"Malah, hasil daripada penyediaan peruntukan ini juga, saya dimaklumkan bahawa kesemua 28 sekolah Tamil di negeri Pulau Pinang telah mencatatkan jumlah kemasukan pelajar yang memuaskan, tanpa masalah Sekolah Kurang Murid (SKM).

"Pada masa sama, saya juga diberitahu bahawa kesemua sekolah Tamil di Pulau Pinang mempunyai Kelas Pintar Abad Ke-21 (*21st Century Smart Class Rooms*), iaitu sekurang-kurangnya sebuah di setiap sekolah," kongsinya pada Program Ramah Mesra Perdana Menteri Bersama-sama Masyarakat India di sini pada 16 Julai lalu.

Perdana Menteri, Y.A.B. Dato' Seri Utama Anwar Ibrahim; Timbalan Ketua Menteri II *'Caretaker'*, Prof. Dr. P. Ramasamy; barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan kepimpinan masyarakat setempat antara yang hadir pada masjid tersebut.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa walaupun pendidikan bukanlah bidang kuasa Kerajaan Negeri, namun, Kerajaan Negeri tetap meneruskan penyaluran peruntukan tersebut tanpa mengira latar belakang agama dan juga bangsa.

"Kami di Pulau Pinang tidak pernah menolak tanggungjawab terhadap pembangunan pendidikan serta modal insan anak-anak kita yang bakal memacu negeri ini ke persada dunia.

"Di sini, saya tegaskan bahawa Kerajaan Negeri juga senantiasa komited untuk menyelesaikan masalah tanah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah Tamil di Pulau Pinang.

"Bermula dari Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Azad di Jalan Kebun Bunga, sehingga Sekolah Tamil Rajaji di Air Itam, yang baru-baru ini memperoleh tanah bernilai RM29 juta, Kerajaan Negeri tidak pernah menolak tanggungjawab yang diamanahkan sejak tahun 2008.

"SJKT Azad, SJKT Batu Kawan, SJKT Ladang Valdor, SJKT Subramaniya Bharathee, SJKT Rajaji adalah antara sekolah Tamil yang telah mendapat tanah daripada pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang, malah Kerajaan Negeri juga telah menyediakan tanah untuk Sekolah Tamil ke-29 Pulau Pinang di Taman Bagan, Bagan Dalam," tegasnya yang turut berharap pemindahan murid sekolah Tamil dari Kedah dipermudahkan untuk menjadikannya sebagai Sekolah Tamil ke-29 di negeri ini.

Bercakap mengenai Lembaga Wakaf Hindu (HEB) Pulau Pinang, Kon Yeow memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri memperuntukkan RM2 juta kepada pertubuhan terbabit setiap tahun.

"Pulau Pinang juga merupakan satu-satunya negeri yang menubuhkan HEB dalam negeri ini.

"Pencapaian HEB Pulau Pinang telah menjadi titik tolak bagi mengatasi masalah-masalah berkaitan masyarakat Hindu ataupun institusi kuil dan keagamaan Hindu di negeri ini," katanya merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.

## RM200 juta untuk PPR Jelutong, Kepala Batas

**GEORGE TOWN** – Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengumumkan peruntukan sebanyak RM211.4 juta bagi pembinaan Projek Perumahan Rakyat (PPR), projek penyelenggaraan dan kerja-kerja menaik taraf projek di bawah pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini.

Menteri Pembangunan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming berkata bahawa menerusi 'Program Sentuhan Kasih KPKT', tidak ada negeri yang ditinggalkan dan akan sentiasa berkhidmat membela nasib rakyat.

"Sebanyak RM200 juta akan disalurkan untuk pembinaan baru 1,000 unit PPR di Kota Giam, Jelutong (575 unit di bahagian pulau) dan Kepala Batas, Seberang Perai Utara (425).

"Manakala RM9.62 juta adalah bagi penyelenggaraan di bawah Program Penyenggaraan Perumahan (PPP) dan Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM)," ujarnya kepada pemberita pada sidang media di sini pada 23 Jun 2023.

Difahamkan, jumlah peruntukan berkenaan merupakan peruntukan yang paling besar pernah diberikan kepada Pulau Pinang melibatkan 41 projek keseluruhannya.

Mengulas mengenai penawaran harga bagi unit PPR di kedua-dua lokasi tersebut, Kor Ming memberitahu bahawa unit berkaitan akan ditawarkan pada harga RM45,000 seunit.

"Selain itu, pembeli mempunyai pilihan melalui skim sewa beli pada harga RM237 sebulan atau purata RM8 sehari bagi tempoh masa yang telah ditetapkan," kata Ahli Parlimen Teluk Intan itu.

Sementara itu, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo ketika ditemui menzahirkan ucapan terima kasih kepada KPKT di bawah Kerajaan Persekutuan



**JAGDEEP Singh Deo (kanan sekali) memberi penerangan kepada Nga Kor Ming berhubung lokasi pembangunan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kota Giam pada sidang media di sini baru-baru ini.**

atas peruntukan tersebut sekali gus dilihat dapat merealisasikan agenda perumahan negeri untuk memastikan pembekalan rumah mampu milik di negeri ini disediakan secukupnya.

"Seperti diketahui, daripada 114,652 unit PPR seluruh negara hanya 999 unit dibekalkan ke empat lokasi di Pulau Pinang oleh pentadbiran sebelum ini.

"(Dan) ini adalah tidak adil kerana bekalan unit PPR adalah penting terutama bagi mereka yang berpendapatan rendah.

"Oleh itu, saya gembira dengan pengumuman ini dan dengan peruntukan tersebut, tambahan sebanyak 1,000 unit PPR untuk Pulau Pinang demi kesejahteraan rakyat di negeri ini," jelasnya.

Terdahulu, Kor Ming yang diiringi Jagdeep mengadakan lawatan tapak ke tapak pembangunan PPR Kota Giam di Sungai Pinang.

Menurut Jagdeep, projek PPR di Kota Giam terdiri daripada 279 unit studio berkeluasan 500 kaki persegi dan 296 unit dengan tiga bilik tidur berkeluasan 700 kaki persegi.

"Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) akan menyelia projek berkenaan yang dijangka siap dalam tempoh lima tahun bermula tahun hadapan," katanya.

Selain peruntukan bagi pembekalan dan penyelenggaraan perumahan di negeri ini, KPKT turut mengumumkan peruntukan RM1 juta bagi kerja-kerja menaik taraf kompleks dan tandas awam di astaka Taman Tun Sardon serta RM785,000 untuk membina 45 MyKiosk di negeri ini sebagai kemudahan kepada penjaja kecil di lokasi tumpuan.

# Projek santuni rakyat tidak dilupakan



KEADAAN Pasar Awam Chowrasta kini lebih selesa buat peniaga dan pengunjung selepas pelaksanaan beberapa projek penaiktarafan oleh Kerajaan Negeri.

Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN** - Sungguhpun Pulau Pinang rancak merancang pembangunan berskala besar seperti transit aliran ringan (LRT), lebuh raya, tambakan laut dan sebagainya, namun projek yang menyantuni rakyat adalah tidak dilupakan, maklum Ahli Parlimen Batu Kawan, Tuan Chow Kon Yeow.

Mengambil contoh Pasar Awam Chowrasta, menurut beliau merupakan projek menyantuni rakyat yang membuktikan keprihatinan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) terhadap aspek pembangunan demi rakyat di negeri ini.

“Pasar Awam Chowrasta adalah contoh keprihatinan Kerajaan Negeri PH dalam membawa perubahan khusus khasnya membabitkan kemudahan pasar, kompleks makanan yang dinaik taraf yang mana ia dapat menawan hati peniaga-peniaga di sini serta pada masa sama, pengunjung dapat menyaksikan transformasi oleh Kerajaan (Negeri) sejak 2008 sehingga kini.

“Walaupun kita senantiasa memberi fokus kepada projek-projek infrastruktur yang besar, seperti untuk mendapat kelulusan tiga lebuh raya utama, LRT, pembesaran lapangan terbang, projek tambakan laut selatan Pulau Pinang, tebatan banjir, pelaksanaan 5G, namun, ini (projek menyantuni rakyat) adalah hasil pencapaian Kerajaan Negeri yang bekerja keras untuk rakyat.

“Kita akan teruskan apa yang kita capai dalam 15 tahun ini dan apa yang ingin dilakukan lima hingga 10 tahun akan datang di samping terus membawa pembangunan sosial ekonomi Pulau Pinang dengan tidak mengabaikan kemudahan-kemudahan di lapangan yang dapat menyantuni rakyat secara langsung,” ujarnya dalam sidang media pada sesi ramah mesra (walkbout) Dewan Undangan Negeri (DUN) Komtar di sini baru-baru ini.

Tambah Kon Yeow, melalui projek-projek berkaitan, rakyat dapat menikmati urus tadbir dan keprihatinan Kerajaan sNegeri yang mana ia diterjemahkan melalui keyakinan kepada Kerajaan Negeri.

Sementara itu, Lai Heng ketika menjawab soalan pemberita mengenai cadangan memaksimumkan penggunaan kawasan Pasar Awam Chowrasta sehingga waktu malam menyatakan bahawa segala perancangan akan diperhalusi selepas PRN.

“Memandangkan (Pasar Awam) Chowrasta ini diuruskan oleh pihak swasta, segala cadangan akan dikaji semula selepas PRN termasuk mewujudkan perniagaan kendera saji (food truck) pada waktu malam,’’ ulasnya.

## Pulau Pinang terima kelulusan 75 projek baru di bawah RMK-12

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **SIEW CHIA EN**

**BAYAN LEPAS** - Pulau Pinang berjaya mendapat kelulusan 75 projek baharu di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) membabitkan peruntukan berjumlah RM54.14 juta.

Ketua Menteri *'Caretaker'*, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyatakan perkara itu semasa berucap pada Sesi Libat Urus Kajian Separuh Penggal RMK-12 dekat sini pada 22 Julai lalu.

"Kelulusan 75 projek ini adalah sebahagian daripada 126 projek yang dimohon oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah peruntukan Rolling Plan Ketiga RMK-12 sebelum ini.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan terutamanya Kementerian Ekonomi kerana telah meluluskan projek-projek ini.

"Namun, pada masa sama kami memohon agar pihak Kementerian Ekonomi dapat memberikan pertimbangan sewajarnya terhadap projek-projek pembangunan keutamaan yang diketengahkan," katanya pada program yang turut dihadiri Menteri Ekonomi, Mohd. Rafizi Ramli.



**KETUA Menteri dan Rafizi Ramli bersama-sama pemegang taruh yang hadir pada Sesi Libat Urus Kajian Separuh Penggal RMK-12 dekat sini baru-baru ini.**

Turut hadir; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Mohd. Sayuthi Bakar; Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi, Datuk Nor Azmie Diron; barisan ahli Exco *‘Caretaker’* Kerajaan Negeri; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ir. A. Rajendran; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Azhar Arshad serta ramai lagi.

Menurut Kon Yeow, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan memberikan perhatian kepada tujuh bidang utama untuk tempoh lima tahun akan datang.

"Tujuh bidang keutamaan ini termasuklah peluang pekerjaan, pembangunan jaringan ekosistem, ketersambungan jaringan pengangkutan, penambahbaikan aliran trafik, strategi mengatasi isu perubahan iklim, pembekalan air dan pembangunan komuniti.

"Oleh itu, sesi libat urus seperti hari ini adalah amat tepat dalam memastikan setiap gerak kerja berada di landasan yang tepat untuk mencapai objektif yang ditetapkan," katanya yang juga Ahli Parlimen Batu Kawan.

Sementara itu, Mohd. Rafizi dalam ucapannya menyatakan bahawa Kementerian Ekonomi akan mempertimbangkan untuk meluluskan lebih banyak projek untuk negeri Pulau Pinang.

"Pulau Pinang adalah kunci kepada pertumbuhan ekonomi negara dan terus menjadi enjin penggerak kepada pembangunan negara yang kita cintai ini.

“Justeru, Kementerian Ekonomi kini dalam proses mengkaji dan menganalisis setiap projek infrastruktur dan pembangunan yang dicadangkan oleh setiap Kerajaan Negeri.

“Proses ini bermula sejak beberapa bulan lalu dan kita kini sudah berada pada peringkat akhir penilaian.

“Apabila projek yang dicadang diluluskan, peruntukan kemudiannya akan diagihkan untuk projek-projek yang akan dilaksanakan di negeri-negeri terbabit,” ujarnya.

Dalam sidang media selepas itu, Mohd. Rafizi menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak sekian lama telah merancang untuk memudah dan meningkatkan kapasiti pengangkutan awam di negeri ini terutamanya di bahagian pulau.

"Ini kerana, sebahagian besar daripada perancangan pembangunan di bahagian pulau dalam 10 tahun lepas adalah berkait dengan pengangkutan awam.

"Justeru, di peringkat Kementerian Ekonomi, kami menyokong sepenuhnya projek-projek pembangunan infrastruktur pengangkutan di Pulau Pinang yang kini sedang dirunding secara bersama oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan," katanya.

# NEGERI HIJAU



JOSEPHINE Tan Mei Ling.

KEMPEN Hari Tanpa Beg Plastik Percuma mula dilancarkan pada 6 Julai 2009 dengan objektif utamanya adalah untuk mentransformasikan Pulau Pinang sebagai sebuah Negeri Hijau di samping meningkatkan kesedaran rakyat mengenai kepentingan menjaga alam sekitar.

Asalnya, Hari Tanpa Beg Plastik Percuma dilaksanakan pada hari Isnin sahaja namun setelah menerima respons yang positif jumlah hari ditambah ke tiga hari iaitu pada Isnin, Selasa dan Rabu bermula 1 Januari 2010 yang mana pengguna perlu membayar caj penggunaan sebanyak RM0.20 di semua pasar raya. Malah, ia juga dijadikan sebagai sebahagian syarat wajib dalam memperbaharui lesen perniagaan dan hasilnya, sehingga Ogos 2010, penggunaan beg plastik berjaya dikurangkan lebih daripada 20,000 helaian.

Tanggal 1 Januari 2011, sekali lagi Pulau Pinang mengorak langkah, kali ini lebih drastik dengan melancarkan kempen Setiap Hari Tanpa Beg Plastik Percuma dan menjadi negeri pertama di Malaysia yang melakukannya. Caj penggunaan masih kekal 20 sen bagi setiap beg plastik dan disalurkan sebagai dana bagi pelaksanaan Agenda Ekonomi Saksama (AES).

Berkuat kuasa pada 1 Januari 2021 pula, caj penggunaan sebanyak RM1 dikenakan pada hari Khamis, Jumaat, Sabtu dan Ahad yang mana pada hari Isnin, Selasa dan Rabu tidak dibekalkan beg plastik dan dikenali sebagai hari bebas beg plastik melalui kempen sama.

Wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** bersama-sama jurugambar, **SIEW CHIA EN** berkesempatan menemu bual Pengurus Besar Penang Green Council (PGC), **JOSEPHINE TAN MEI LING** bagi mengupas sejauh mana keberkesanan pelaksanaan kempen dan penerimaan rakyat Pulau Pinang setakat ini.

Menurut Mei Ling, penggunaan beg plastik tanpa kawalan memberi ancaman bukan sahaja kepada alam sekitar tetapi juga kesihatan manusia kerana bahan kimia bertoksik yang terkandung dalam penghasilannya.

"Beg plastik mengambil masa antara 20 hingga 1,000 tahun untuk mereput sepenuhnya menjadi partikel halus, justeru, sebagai langkah permulaan, Kempen Tanpa Beg Plastik Percuma yang dilancarkan 14 tahun lalu melibatkan pusat membeli-belah, pasar raya dan farmasi tetapi timbul pula persoalan mengenai pembelian di pasar awam (pasar basah) atau warung-warung tepi jalan.

"Ya, sememangnya Kerajaan Negeri dan PGC sendiri memang berhasrat untuk mengimplementasikan (hari tanpa beg plastik) di pasar basah dan kedai-kedai makan, tetapi melalui pendekatan yang berbeza.

"Memandangkan Pulau Pinang merupakan syurga makanan, maka agak tidak praktikal untuk membungkus makanan yang berkuah jika tidak menggunakan plastik pembungkus.

"Oleh yang demikian, kami (PGC dan Kerajaan Negeri) dengan usaha sama Kerajaan Tempatan telah memperkenalkan pendekatan *'Bring Your Own Container'* atau BYOC dalam usaha mengurangkan kebergantungan terhadap plastik pembungkusan makanan.

"(Dan) semua inisiatif ini melibatkan proses, (proses) untuk mendidik pengguna dan ia bukan mudah serta tidak berlaku semalaman sebaliknya mengambil masa yang panjang," katanya membuka bicara pada sesi temu bual baru-baru ini.

Salah satu cara, kata Mei Ling adalah melalui penganjuran *World Environment Day* (WED) pada 18 Jun lalu yang mana pelbagai aktiviti disajikan dalam usaha meningkatkan kesedaran orang ramai supaya memelihara alam sekitar agar lebih mampan dan lestari.

## Alternatif kurangkan plastik sekali guna

Pada 9 Mei lalu, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad mengumumkan bahawa Kerajaan Persekutuan sedia untuk mengharamkan penggunaan beg plastik sepenuhnya pada tahun 2025 merentasi semua sektor perniagaan di seluruh negara.

Menurut laporan Bernama, sebagai dipetik, Nik Nazmi berkata bahawa menjadi tanggungjawab kerajaan negeri membuat perancangan kempen jangka panjang dalam menangani isu pencemaran sisa plastik khasnya plastik sekali guna di Malaysia.

Di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri pada 2016 melaksanakan Dasar Pengasingan Sisa di Punca untuk mendidik orang ramai mengasingkan sisa yang boleh dikitar semula daripada dibuang sebagai sampah yang berakhir di tapak pelupusan (sampah).

Di bawah dasar ini, Polisi Tak Nak Plastik Sekali Guna *(No To Single-Use Plastic)* telah diperkenalkan seiring dengan Larangan Penggunaan Penyedut Minuman Plastik *(No Plastic Straw by Default)*.

Mengulas mengenai perkara ini, Mei Ling memberitahu bahawa pihaknya tidak akan bertindak secara semberono untuk memperkenalkan sesuatu polisi atau dasar tanpa memberi penyelesaian kepada pengguna mahupun peniaga.

"Pihak PGC banyak mengadakan perbincangan dengan persatuan pengilang plastik dan persatuan kitar semula plastik termasuk organisasi antarabangsa seperti UNEP (Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) untuk mencari alternatif terbaik bagi menggantikan penggunaan plastik sekali guna untuk 'tapau' (bungkus makanan).

"Walaupun di pasaran kini terdapat alternatif seperti kertas pembungkus, straw berasaskan tumbuhan *(rice straw)* dan sebagainya, tetapi masalah utama adalah kos sama ada kepada pengguna mahupun peniaga.

"Ya, plastik sekali guna seperti pembungkus makanan, penyedut minuman dan cawan sering menjadi pilihan kepada penjual makanan kerana kosnya yang lebih murah.

"Namun begitu penggunaan plastik sekali guna seperti pengacau dan penyedut minuman plastik sebenarnya tidak perlu.

*(Sambungan di muka 7).*



**AKTIVITI '*Teeny Explorer : 'Co-exist With Nature'* merupakan salah satu aktiviti pendidikan awal kepada kanak-kanak mengenai alam sekitar.**



**PENYEDUT minuman berasaskan beras dan kanji merupakan alternatif yang kini diguna pakai oleh para penjual minuman berfrancais.**

(Sambungan dari muka 6).

# Pulau Pinang mendahului

"Bukan sahaja memberi impak terhadap alam sekitar tetapi mengambil masa lama untuk diuraikan yang akan menyebabkan lebih banyak sisa plastik dijana sama ada di tapak pelupusan sampah atau hanyut ke lautan.

"(Dan) sisa plastik ini bukan sahaja menambah kapasiti plastik mikro atau plastik nano malahan juga memberi impak terhadap kesuburan tanah dan sumber air bersih," jelasnya.

Sejak 2011, PGC menurut beliau adalah bermatlamat untuk mewujudkan Pulau Pinang yang lebih bersih, hijau dan selamat.

"Maka, sejak dahulu lagi, pihak PGC meneruskan usaha mendidik masyarakat, kita mulakan dengan mengajak masyarakat untuk kitar semula, asingkan sisa di punca dan juga melakukan perubahan dengan BYOC.

"Sama ada para peniaga mengubah cara pembungkusan makanan (alternatif) atau dengan mengurangkan penggunaan plastik sekali guna dengan membawa bekas sendiri.

"Sekiranya kita berjaya mengurangkan penggunaan, maka kita tidak perlu lagi mengitar semula atau (sisa) berakhir ke tapak pelupusan," katanya.

Tumpuan juga, kata Josephine, diberikan kepada para peniaga dalam talian yang menggunakan *'bubble wrapping'* untuk membungkus produk sebelum pengeposan.

## Laksana kaji selidik

Menurut Mei Ling, dari semasa ke semasa, PGC akan memantau pelaksanaan setiap polisi bagi mengetahui lebih lanjut keberkesanan pelaksanaannya melalui pelbagai kaji selidik.

"Misalnya, berdasarkan data yang diperoleh antara tahun 2020 sehingga 2021 mendapati selepas pelaksanaan caj penggunaan RM1 pada 1 Januari 2021, penggunaan beg plastik berjaya dikurangkan sebanyak 78 peratus.

"Malah, dari segi kaji selidik juga banyak dijalankan misalnya 'Impak Perintah Kawalan Pergerakan Terhadap Penjanaan Sisa di Pulau Pinang' pada tahun 2020 yang mana penggunaan plastik sekali guna meningkat.

"Pembungkusan makanan, pelitup muka begitu banyak di jalanan, longkang… sehingga timbul kegusaran terhadap pekerja Majlis Bandaraya dan pemungut sampah kerana terdedah dengan koronavirus sekiranya sisa tersebut tidak diasingkan dan dilupuskan dengan betul.

"(Dan) terbaru adalah 'Kajian Persepsi Orang Ramai Terhadap Sisa Plastik dan Kitar Semula di Pulau Pinang' pada tahun 2022 dilaksanakan untuk memahami kesedaran dan tingkah laku pengguna terhadap pengasingan dan kitar semula sisa di Pulau Pinang.

"Kajian ini memberitahu bahawa sebanyak 53 peratus daripada responden sentiasa membawa beg sendiri ketika membeli-belah dan 79 peratus responden sedia untuk mengurangkan penggunaan plastik sekali guna," jelasnya.

Difahamkan, kajian yang dilaksanakan oleh PGC merentasi pelbagai aspek dan medium serta bukan hanya tertumpu kepada rakyat Pulau Pinang tetapi mereka yang menetap di Pulau Pinang termasuk warga asing.

## Plastik biodegradasi dan plastik kompos

Mengulas lanjut, Mei Ling memberitahu bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada hari ini tidak begitu menggalakkan penggunaan plastik biodegradasi, sebaliknya sebagai alternatif menggunakan plastik kompos.

"Plastik biodegradasi walaupun apabila terurai prosesnya memakan masa yang singkat tetapi kandungan plastiknya masih tinggi dan apabila terurai ia akan menjadi mikroplastik yang lebih berbahaya dan mengancam alam sekitar.

"Oleh itu, sebagai alternatif, kita (Kerajaan Negeri dan PGC) mencadangkan penggunaan plastik kompos yang dihasilkan daripada bahan boleh diperbaharui seperti beras, jagung, kentang, protein soya dan kanji ubi kayu.

"Jadi, plastik boleh dikompos ini tidak toksik dan terurai kembali menjadi karbon dioksida, air dan biojisim apabila ia dikomposkan berbeza dengan plastik biodegradasi," katanya.

## Agenda hijau, penyelesaian alam sekitar

Pada tahun 2021, Kerajaan Negeri telah melancarkan Agenda Hijau Pulau Pinang atau *Penang Green Agenda* (PGA) 2030 dalam menggalakkan pembangunan mampan seiring dengan Visi Penang2030 dan Matlamat Pembangunan Mampan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN SDGs). Melalui PGA 2030 ini 10 bidang utama dikenal pasti termasuk pembangunan ekonomi hijau.

Ditanya mengenai penglibatan PGC dengan pihak swasta, beliau memaklumkan bahawa tahun lepas pihaknya melancarkan inisiatif *'Penang Green Industry Programme'* yang melibatkan para pemain industri di negeri ini.

"Matlamat Kerajaan Negeri berhubung inisiatif ini adalah untuk mentransformasikan Pulau Pinang sebagai hab pembuatan hijau dan menerusi inisiatif ini juga pelbagai organisasi dalam kalangan pemain industri dapat mengadakan perkongsian bagi menghadapi cabaran abad ke-21.

"Ia merupakan platform yang bukan sahaja boleh dimanfaatkan oleh




IKLAN berunsurkan pendidikan awam turut dipaparkan di hentian bas di seluruh negeri.

syarikat-syarikat multinasional tetapi juga perusahaan kecil dan sederhana (SME) tempatan di negeri ini.

"(Dan) sekiranya pengusaha SME ini mahu menceburi rantaian bekalan hijau PGC ada untuk memudah cara peralihan organisasi hijau terutama dalam menggerakkan ESG (Alam Sekitar, Sosial, Tadbir Urus) yang kian berkembang.

"Hal ini penting kerana kelak syarikat-syarikat ini termasuk SME perlu mempunyai akses terhadap pembiayaan hijau atau *green financing* yang mana pada tahun lepas kita telah pun mengadakan persidangan, *Penang Green Finance Conference*.

"Peserta persidangan pula terdiri daripada sektor perbankan komersial dan awam termasuk Bank Negara Malaysia yang membuka ruang dan peluang kepada pemain industri.

"Begitu juga dalam pembabitan ekonomi kitaran atau *circular economy* yang mana kebanyakan projek direka adalah untuk memutuskan gegelung dalam pengurusan hasil buangan sambil meminimumkan kemusnahan," jelasnya.

Selain itu, PGC juga mempunyai lain-lain program dan projek antaranya Anugerah Sekolah Hijau Pulau Pinang, *Penang Green Office*, *Penang Green Citizen*, *Penang Green Journalism Award*, *Penang Rainwater Harvesting System Incentive*, *Food Waste Challenge Incentive* dan *Penang Green Kindy Incentive* yang pada masa sama menyediakan penyelesaian alam sekitar ke arah masa depan Pulau Pinang yang lebih hijau, sihat, selamat dan mampan.

## Pangkalan Data Zero Waste Network

Bercakap mengenai pusat pengumpulan sisa dan pusat kitar semula, Mei Ling memberitahu bahawa di Pulau Pinang terdapat banyak pusat-pusat sedemikian.

"Namun, ramai dalam kalangan orang awam yang tidak tahu mengenainya, oleh yang demikian kita mewujudkan pangkalan data *'Zero Waste Network'* untuk membantu orang awam mengetahui pusat-pusat pengumpulan sisa dan kitar semula terdekat.

"Capaian ini amat berguna dan terpaut dengan *Google Map* yang lengkap dengan alamat dan nombor telefon," katanya.

Orang ramai boleh mengakses ke pautan berkaitan melalui laman sesawang rasmi PGC atau pautan berikut: *https://www.pgc.com.my/2020/zero-waste-network-zwn/*.

Capaian ini bukan sahaja menunjukkan pusat pengumpulan sisa dan pusat kitar semula berdasarkan kategori malah turut menunjukkan lokasi untuk *Zero Waste Shop* dan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) serta *Nature Classroom*.

## Harapan

Mei Ling berharap agar lebih ramai bukan sahaja rakyat Pulau Pinang yang cakna tentang pengurusan sisa dan kesannya terhadap alam sekitar sekiranya terleka.

"Sebagai negara membangun, amalan pengurusan sisa amat penting bagi mengelakkan berlakunya lambakan sisa di tapak pelupusan mahupun di loji insinerator.

"Bawalah bekal air, kutleri dan bekas makanan sendiri dari rumah untuk mengurangkan penggunaan sisa plastik sekali guna seperti mana kita telah terbiasa membawa beg membeli-belah sendiri dari rumah," ulasnya.

Tambah beliau, setiap individu memainkan peranan penting dalam mengurangkan penggunaan plastik setiap hari.

"Sekurang-kurang kita harus berbangga apabila 100 peratus warga Pulau Pinang tahu mengenai kempen bebas beg plastik ini termasuk pelajar antarabangsa dan warga asing yang bekerja di sini.

"Bertukarlah kepada barangan guna semula, selamatkan bumi kita…ayuh sama-sama kita ubah sikap dan jayakan inisiatif hijau," serunya sebagai penutup bicara.

# 41 rangka manusia Guar Kepah, bukti tapak Neolitik

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **YAP LEE YING**

**SEJUMLAH** 41 rangka berusia antara 5,000 hingga 6,000 tahun yang ditemukan di Guar Kepah serta disimpan rapi di *Collection Centre Netherlands*, Belanda sejak pertengahan 1930-an, akan dibawa pulang pada Januari tahun depan.

Pengerusi Jawatankuasa Panel Pakar Pembangunan Guar Kepah, Prof. Datuk Dr. Mokhtar Saidin berkata bahawa Kerajaan Belanda pada tahun 2021 telah mengeluarkan notis pengisytiharan berkaitan hasrat memulangkan semua sumber artifak yang disimpan ke negara asal ia ditemukan.

"Kerajaan Belanda telah bersetuju untuk menyerahkan rangka berkenaan, susulan lawatan kerja Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke negara tersebut pada bulan Mac baru-baru ini," jelasnya.

Ahli akademik Universiti Sains Malaysia (USM) itu berkata demikian semasa bersyarah dalam Bicara Arkeologi, Menjejaki Rangka Neolitik Berusia 5,000 hingga 6,000 Tahun Dari Guar Kepah Ke Leiden, Belanda.

Dalam sesi yang berlangsung di Kuala Lumpur, beliau memberitahu bahawa misi membawa pulang sumber artifak tersebut boleh dianggap penting bagi negara ini terutama negeri Pulau Pinang.

Ini kerana, menurut beliau, ia adalah satu-satunya bukti tapak Neolitik di tanah air ini, yang ditemukan di kawasan perkuburan Bukit Kerang dekat Guar Kepah.

"Semua rangka tersebut masih berada dalam simpanan serta dijaga baik di *Collection Centre Netherlands*, Belanda sejak ia dibawa ke sana antara tahun 1936 hingga 1960.

"Pasukan kita telah pergi ke Belanda untuk melihat semua rangka itu.



**SEBAHAGIAN rangka yang ditemui.**

"Ia (kesemua 41 rangka manusia berusia antara 5,000 hingga 6,000 tahun) akan dibawa balik (ke Malaysia) sejurus Galeri Warisan Arkeologi Guar Kepah (dekat Seberang Perai, Pulau Pinang) siap sepenuhnya nanti," ujarnya.

Mokhtar memberitahu bahawa kesemua rangka bersejarah itu akan melalui perjalanan sekitar 25,000 kilometer (km) ke negara ini.

Difahamkan, rangka-rangka manusia bersejarah itu dibawa ke Belanda pada tahun 1936 serta dianalisis dalam tempoh masa antara tahun 1960 hingga 1996, masing-masing di *Utrecht University* dan *Natural History Museum Rotterdam*.

Dua pengkaji bertanggungjawab dalam melakukan kajian berkaitan semasa itu, iaitu Jacobs Teuku dan Dr. Francis David Bullbeck.

Kini, rangka-rangka tersebut telahpun diserahkan dalam empat kotak yang mempunyai kod-kod tersendiri.

Rangka artifak seperti tulang, gigi serta tengkorak yang dipercayai milik individu dewasa, remaja dan kanak-kanak antara yang diletakkan dalam kotak-kotak tersebut.

Mengulas lanjut, Mokhtar menyatakan bahawa sebaik sahaja semua artifak itu sampai ke nagara ini, pasukannya akan membuat kajian lanjutan.

"Kajian terperinci akan dilaksanakan bagi mengenal pasti beberapa perkara berkaitan, antaranya pentarikhan, punca kematian dan diet (pemakanan).

"Sebaik sahaja ia dibawa pulang, kita akan menjalankan analisis khas pada bahagian gigi untuk menentukan sama ada ia ada kesan 'pinang' atau sebaliknya," katanya.

Tambah Mokhtar, kajian lain yang turut akan dijalankan secara saintifik adalah terhadap gigi yang ditemukan bagi membuktikan amalan pemakanan individu manusia bersejarah tersebut.

